

06/08/1997

Bebas segera daripada pergantungan Barat

PENDEDAHAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad siapa dalang di sebalik serangan mata wang di kalangan negara Asean baru-baru ini, termasuk Malaysia membuka tembelang negara Barat untuk cuba menjajah semula negara di dunia ketiga menggunakan kaedah dan taktik baru.

Serangan pembelian mata wang itu benar-benar melumpuhkan ekonomi Thailand dan Filipina, menyebabkan Thailand terpaksa mengapungkan mata wangnya bagi menyelamatkan ekonomi negara itu daripada runtuh.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, serangan spekulator Barat yang cuba meruntuhkan ekonomi yang dibina sejak sekian lama itu boleh disifatkan sebagai penjenayah yang bukan saja meruntuhkan ekonomi negara tetapi membuatkan rakyat miskin di negara berkenaan menanggung penderitaan dan kesengsaraan.

Moral daripada berita yang dilaporkan ialah kita tidak boleh terlalu bergantung kepada Barat untuk menghasilkan barangan yang kita perlukan.

Cuba kita bayangkan senario depan, apabila revolusi teknologi maklumat (IT) menjadi kenyataan yang mana kesemua kehidupan kita memerlukan komputer, perisian dan aplikasi bagi melicinkan urusan harian.

Apa yang menarik ialah hampir 90 peratus daripada keperluan IT negara dibekalkan oleh Barat. Perhatikan komputer di sekeliling kita, peralatan mana yang tidak dibekalkan oleh Barat?

Apakah yang akan terjadi kepada kita jika pada satu pagi, presiden syarikat gergasi cip dunia tiba-tiba mendapat ilham menaikkan harga cip pemprosesan komputer kerana hendak memuaskan hati pelaburnya dan bursa saham Wall Street?

Kesannya keesokan hari kita dapati kesemua vendor komputer menaikkan harga mereka dan siapa yang akan menanggung akibatnya?

Semua itu dibekalkan oleh negara Barat, sebahagian besar syarikat IT utama dunia berada di Lembah Silikon, Amerika Syarikat. Bukankah ini akan mendedahkan kita kepada manipulasi dan taktik kotor Barat?

Barat tidak akan senang hati jika kita cuba bangkit untuk membangunkan teknologi sendiri. Perkara berkenaan adalah hakikat yang tidak dapat dielakkan kerana mereka tidak mahu kita bersaing dengan mereka.

Kita perlu menerima hakikat ini tetapi apa yang menarik sedikit sebanyak IT dapat memberi peluang untuk bersaing dengan Barat (bukan daripada segi perkakasan dan perisian) tetapi pembangunan kandungan yang diperlukan dalam perisian.

Barat mungkin memulakan revolusi IT tetapi untuk mengetahui siapa pemenangnya tiada siapa yang tahu. Kita mungkin mempunyai peluang untuk menyaingi mereka dalam aspek ini tetapi jalannya masih panjang dan berliku.

Apa yang penting ialah kita berani mencuba membangunkan segala penyelidikan dan pembangunan (R&D) milik sendiri. Rakyat di negara ini perlu ditanamkan sifat untuk lebih kreatif dan inovatif.

Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diwujudkan kerajaan mungkin menyediakan jawapan kepada cita-cita negara mengeluarkan produk berteknologi tinggi dan tidak terlalu bergantung kepada Barat.

Namun jawapan sebenar kepada persoalan itu ialah sikap rakyat Malaysia yang perlu mengubah tanggapan terhadap IT.

Kawan: Susah atau senang, kita perlu ada R&D sendiri.

(END)